

AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT (*FOI*)

NOTA TAKLIMAT



*“Maklumat yang dipegang oleh kerajaan ialah suatu kepentingan awam;
kerajaan hanyalah pemegang amanah yang terikat untuk berkhidmat
demi kepentingan rakyat.”*

Isi Kandungan

01	TUJUAN	Halaman 04
02	PENGENALAN	Halaman 04
03	KENAPA KITA PERLUKAN AKTA FOI?	Halaman 05
04	APAKAH YANG SEPATUTNYA TERKANDUNG DALAM AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT DI MALAYSIA?	Halaman 07
05	KEPERLUAN UNTUK MEREFORMASI HALANGAN PERUNDANGAN	Halaman 13
06	SOALAN LAZIM (FAQ)	Halaman 15

01 Tujuan

Nota taklimat ini menggariskan prinsip-prinsip utama dan ciri-ciri reka bentuk bagi suatu undang-undang Kebebasan Maklumat (Freedom of Information, FOI) di peringkat persekutuan di Malaysia. Butiran tersebut adalah berpandukan Model Rang Undang-Undang bagi Hak Mendapatkan Maklumat (Right to Information, RTI) oleh pertubuhan masyarakat sivil (CSO) serta piawaian antarabangsa mengenai hak mendapatkan maklumat.

02 Pengenalan

Menurut [RTI-rating.org](https://rti-rating.org), terdapat 142 undang-undang FOI yang berkuat kuasa di seluruh dunia setakat Mei 2026.

Walaupun Malaysia sedang bergerak ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan memperkukuh tadbir urus digital, negara ini masih mengawal kerahsiaan dan pendedahan maklumat melalui kerangka perundangan yang berselerak serta tidak mempunyai pendekatan yang menyeluruh, sistematik dan seragam dalam merealisasikan hak orang awam untuk mengakses maklumat yang dipegang oleh kerajaan.

Hak untuk mendapatkan maklumat merupakan prasyarat kepada pelaksanaan hak dan kebebasan asasi kerana ia mempengaruhi proses membuat keputusan, kebebasan berucap dan kebebasan bersuara.

Kebebasan Maklumat (Freedom of Information, FOI) atau Hak Mendapatkan Maklumat (Right to Information, RTI) adalah satu kerangka perundangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kerangka ini bukan sahaja mengiktiraf hak undang-undang orang awam untuk mendapatkan maklumat yang dipegang oleh kerajaan (tertakluk hanya kepada pengecualian yang terhad dan berasas), malah menetapkan piawaian bagi penyampaian perkhidmatan serta mekanisme semakan dan rayuan terhadap keputusan berkaitan akses kepada maklumat tersebut.

Kerangka FOI Malaysia yang kukuh hendaklah berasaskan prinsip-prinsip berikut:


1. **Pendedahan maksimum** — maklumat adalah milik orang awam, melainkan jika pendedahannya boleh menyebabkan kemudaratan yang nyata terhadap kepentingan awam.
2. **Pengecualian yang terhad dan berasaskan ujian kemudaratan** — kerahsiaan hendaklah menjadi terkecuali dan wajar, tertakluk pada ujian kemudaratan serta keutamaan kepentingan awam.
3. **Pengawasan yang bebas** — keputusan mengenai akses kepada maklumat hendaklah boleh disemak oleh badan kawal selia yang bebas, seperti Pesuruhjaya Maklumat.

4. **Penerbitan secara proaktif** — badan awam hendaklah menerbitkan maklumat penting secara proaktif tanpa perlu menunggu permohonan daripada orang awam.
5. **Mekanisme akses yang mudah dan kos rendah** — permohonan maklumat hendaklah dibuat melalui proses yang mudah dan mampu diakses.
6. **Perlindungan dan akauntabiliti** — perlindungan hendaklah diberikan kepada pemohon, pegawai awam yang bertindak dengan niat baik, serta pemberi maklumat (whistleblower).
7. **Penyelarasan undang-undang** — semua undang-undang berkaitan hendaklah diselaraskan agar selari dengan kerangka FOI yang menyeluruh.

03

Kenapa Kita Perlukan Akta FOI?

Sebuah undang-undang adalah sebuah saluran penting untuk orang awam memperoleh maklumat daripada kerajaan mengenai perkara yang melibatkan kehidupan mereka, di samping menuntut akauntabiliti daripada kerajaan dalam menjalankan tugas melalui dasar dan agensi awam. Kebanyakan negara ASEAN dan Asia Pasifik telah menggubal undang-undang atau dasar FOI yang menunjukkan kesediaan kerajaan untuk mengutamakan rakyat, bersikap terbuka, dan mempunyai akauntabiliti.



Negara ASEAN dengan Undang-undang FOI

Walaupun kini terdapat beberapa saluran rasmi untuk maklumat yang dipegang oleh kerajaan, seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atau laman web kementerian dan agensi, maklumat ini adalah berselerak dengan kekangan secara praktikal dan perundangan, terutamanya Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Seksyen 203A Kanun Keseksaan.

Undang-undang FOI bertujuan mencipta sebuah aturan mengakses maklumat yang seragam, membolehkan rayuan, dan membenarkan badan kawal selia dan kehakiman untuk mengarahkan pendedahan, serta mengurangkan budaya kerahsiaan yang memberi ruang terhadap gejala rasuah.

a) FOI adalah Hak

Secara dasarnya, hak mendapatkan maklumat (RTI) adalah sebahagian daripada Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948. Perkara ini adalah termaktub dalam perlembagaan yang menjamin hak untuk bercakap dan bersuara di bawah Artikel 10(1)(a).

Untuk bersuara secara terbuka, orang awam harus mempunyai akses kepada maklumat yang dipegang oleh badan kerajaan atau pihak autoriti.

Secara dasarnya, orang awam tidak boleh bercakap atau bersuara tanpa hak untuk mencari, menerima, dan menyebarkan maklumat untuk wacana awam dan terlibat dalam tadbir urus demokratik.

b) Penting untuk Penyertaan Awam dan Mengukuhkan Demokrasi

FOI dan hak mendapatkan maklumat akan menjadi saluran untuk orang awam seperti wartawan, aktivis, ahli akademik, ahli perniagaan, peguam, serta agensi kerajaan untuk memperkukuh peranan mereka dalam memperjuangkan kepentingan awam. Selain itu, FOI akan menjadi kaedah untuk orang awam berinteraksi dengan kerajaan dan memastikan penglibatan awam yang bermakna, pengundian berasaskan pengetahuan, serta penelitian terhadap institusi awam.

Oleh itu, FOI akan menjadikan dasar dan akauntabiliti berasaskan pengetahuan di samping pasaran yang telus merentasi kerajaan, perniagaan, dan masyarakat sivil. Pada masa yang sama, FOI menyediakan sebuah akses terhadap maklumat yang berstruktur dan mengikut perundangan di samping memelihara kepentingan negara yang sah melalui pengecualian, kawal selia, dan rayuan yang jelas.

c) Menyokong antirasuah dan mempromosi integriti dan akauntabiliti

Pengalaman 1MDB telah menunjukkan bahawa pendedahan maklumat adalah penting dalam mendedahkan rasuah. FOI mempunyai kesan yang nyata untuk mendedahkan dan menghalang penyalahgunaan dana dan sumber awam, serta meningkatkan keyakinan terhadap kerajaan melalui pendedahan maklumat.

Komitmen Malaysia di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC) dan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (Indikator 16.10) sekaligus menegaskan kepentingan ini.

d) Pentadbiran awam berasaskan transformasi dan kalis masa hadapan

Malaysia kini bergantung pada aturan pendedahan yang berasaskan sektor yang khusus dan inisiatif di peringkat negeri. Sebuah rangka kerja di peringkat persekutuan boleh menubuhkan standard yang konsisten merentasi kementerian, agensi, badan berkanun, autoriti awam, dan entiti berkaitan kerajaan.

Undang-undang FOI akan mengukuhkan pengurusan rekod, menggalakkan tadbir urus digital, dan mengurangkan kebergantungan terhadap pendedahan tidak rasmi. Hal ini akan memupuk kepercayaan orang awam terhadap institusi kerajaan.

Apakah yang Sepatutnya Terkandung dalam Akta Kebebasan Maklumat di Malaysia?

Berikut adalah kerangka dan ciri-ciri yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam Akta FOI.

a) SKOP: Siapa dan Apa yang Harus Dirangkumi

FOI harus menjadi hak orang awam untuk mengakses maklumat yang dipegang pihak autoriti atau badan awam.

Skop

Harus merangkumi:

- Kementerian di peringkat persekutuan
- Jabatan
- Badan berkanun
- Institusi perlembagaan
- Pihak autoriti awam
- Entiti berkaitan kerajaan, terutamanya yang menjalankan fungsi awam dan sosial
- Kontraktor yang menjalankan fungsi awam

Hal ini hendaklah:

- terpakai untuk **semua maklumat yang direkodkan tanpa mengira medium atau label klasifikasi.**
- Mengambil kira **fungsi awam dan dana awam**, bukan berbentuk organisasi.

Skop kehakiman

Terdapat kebimbangan bahawa FOI akan mencampuri urusan kehakiman. Namun, FOI tidak dirangka untuk mengancam pertimbangan kehakiman atau keistimewaan peguam dan anak guam. Oleh itu, pentadbiran kehakiman, sebagai perpanjangan fungsi kerajaan, haruslah merangkumi skop FOI. Beberapa rekod kehakiman haruslah kekal dikecualikan daripada pendedahan jika terdapat keperluan untuk memelihara kebebasan, pertimbangan, dan keistimewaan kehakiman.

b) Terbuka secara automatik dan pendedahan secara proaktif

Pemilikan data

FOI berfungsi melalui kenyataan bahawa semua maklumat yang dipegang badan awam dan institusi awam adalah secara prinsip, awam. Maklumat tersebut boleh disimpan atau tidak didedahkan hanya jika terdapat asas yang sah serta diakui di sisi undang-undang antarabangsa seperti keselamatan negara, privasi, penguatkuasaan undang-undang, kerahsiaan komersial dan lain-lain, keselamatan awam atau individu, serta keberkesanan dan integriti dalam proses pembuatan keputusan kerajaan.

Prinsip pendedahan maksimum

Prinsip pendedahan maksimum adalah sebuah anggapan bahawa semua maklumat yang dipegang badan awam adalah tertakluk pada pendedahan dan anggapan ini boleh diatasi dalam beberapa situasi yang terhad.

Penerbitan data/maklumat secara proaktif

FOI tidak seharusnya bergantung hanya kepada permohonan maklumat.

Kerajaan harus menerbitkan semua maklumat secara proaktif dalam laman web dan saluran yang wajar untuk memastikan maklumat yang terkandung sentiasa dikemas kini dan mudah diakses. Hal ini membolehkan orang awam mengakses maklumat secara pantas

Setiap badan awam harus menerbitkan:

- Struktur organisasi
- Laporan belanjawan dan kewangan
- Rekod perolehan dan kontrak
- Dasar dan pelan
- Laporan tahunan
- Log permohonan dan pendedahan
- Maklumat untuk berhubung dengan Pegawai Maklumat
- Proses penyertaan awam

Penerbitan haruslah:

- Mengutamakan kaedah digital
- Format yang boleh dibaca oleh mesin
- Mesra terhadap orang kurang upaya
- Disemak secara berkala

c) Pengecualian Jelas terhadap Akses

Pembuat undang-undang harus memikirkan secara mendalam untuk mengimbangi di antara jenis maklumat yang harus dikecualikan dan hak awam untuk mengakses, di samping membenarkan badan kawal selia (rujuk seksyen E) membuat keputusan mengenai perincian serta pihak kehakiman menterjemah kepentingan awam.

Senarai Pengecualian Berasaskan Aturan

Maklumat kerajaan, dokumen, dan data harus dianggap sebagai **boleh dimohon dan diterbitkan kecuali dinyatakan** secara jelas dalam senarai pengecualian.

Pengecualian haruslah tuntas dan dirangka secara terhad.

Pengecualian yang Munasabah

Kategori yang boleh dibenarkan termasuk:

- Keselamatan negara dan pertahanan
- Hubungan antarabangsa dan kestabilan ekonomi
- Penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan awam
- Kerahsiaan komersial
- Integriti penyelidikan
- Data peribadi dan privasi
- Keistimewaan profesional guaman

Akta ini haruslah mengambil kira **ujian tiga bahagian:**

- i. Maklumat yang terkandung dalam senarai pengecualian;
- ii. Pendedahan mewujudkan risiko yang nyata yang serius dan;
- iii. Kemudaran melangkaui kepentingan awam jika didedahkan.

Ujian kepentingan awam

Ciri-ciri penting Akta FOI adalah penubuhan ujian kepentingan awam sebagai prinsip perundangan untuk pihak pemohon meminta semakan kehakiman.

Akta ini harus menyatakan secara jelas faktor apa yang menyokong pendedahan mana-mana maklumat, dokumen, atau data yang sebelumnya diklasifikasikan sebagai rahsia. Faktor ini termasuklah:

- i. Mempromosi perbincangan terbuka/debat mengenai hal ehwal awam;
- ii. Memperkasa akauntabiliti kerajaan;
- iii. Mempromosi kawal selia yang efektif mengenai perbelanjaan dana awam;
- iv. Menyumbang terhadap pemeliharaan alam sekitar;
- v. Mendedahkan ancaman terhadap kesihatan dan keselamatan awam;
- vi. Mempromosi akauntabiliti terhadap pelanggaran hak asasi manusia;
- vii. Mendedahkan sebab-sebab ke atas keputusan kerajaan.

Akhir sekali, **faktor tidak wajar** harus memainkan peranan yang penting dalam menentukan pendedahan atau kerahsiaan:

- i. Pendedahan boleh 'disalah tafsir', 'mengelirukan' orang awam, atau terlalu teknikal;
- ii. Pendedahan akan menetapkan standard yang menyulitkan pada masa hadapan;
- iii. Menyebabkan rasa malu atau kehilangan keyakinan terhadap mana-mana badan awam;
- iv. Pengarang maklumat adalah, atau bekas pegawai tinggi kerajaan; atau
- v. Ancaman terhadap kedudukan sesebuah parti politik.

c) Badan Kawal Selia untuk FOI

Malaysia harus menubuhkan sebuah Pesuruhjaya Maklumat yang bebas serta mempunyai akauntabiliti terhadap Parlimen.

Ciri-ciri yang dicadangkan:

- Status perundangan yang bebas
- Proses pelantikan yang telus
- Tempoh jawatan tetap
- Kuasa menyiasat
- Kuasa pembuatan keputusan yang mengikat di sisi undang-undang
- Kuasa untuk mengarahkan pendedahan
- Tanggungjawab untuk pemantauan dan pelaporan
- Fungsi pembinaan kapasiti dan pendidikan awam

Pesuruhjaya ini haruslah beroperasi secara bebas tanpa kawalan eksekutif dan menerima dana yang sewajarnya untuk menjalankan mandat secara sempurna.

Tanpa mengira penetapan badan ini sebagai entiti yang berasingan atau cabang daripada badan berkanun sedia ada (contohnya, Ombudsman), badan ini haruslah berupaya untuk menjalankan fungsi berikut:

Sebagai badan rayuan

Berfungsi di peringkat rayuan pertama. Hanya selepas rayuan gagal di peringkat ini, pemohon boleh meminta semakan kehakiman untuk permohonan yang khusus.

Sebagai badan pentadbiran

Menyelaras latihan dan pembangunan penguasaan teknikal dalam kalangan pegawai FOI; melindungi pegawai FOI; dan menambah baik keberkesanan proses pentadbiran FOI dalam mengurangkan beban birokrasi dan kos.

Sebagai badan pelapor

Mengumpul maklumat dan melaporkan kepada badan perundangan mengenai prestasi FOI merentasi agensi kerajaan;

Badan yang mempunyai akauntabiliti secara demokratik

Menerbitkan maklumat mengenai proses FOI, menjalankan jelajah komuniti dan promosi, dan menasihati pemohon mengenai prosedur permohonan.

Kedudukan sesebuah badan (pesuruhjaya maklumat) harus dipenuhi oleh kakitangan perkhidmatan awam yang dilatih secara perundangan, perwakilan masyarakat sivil, atau pakar hak asasi manusia dalam memenuhi hak orang awam secara berkesan.

e) Perlindungan Pegawai Maklumat dan Sekatan:

Perlindungan dari gangguan dalaman

Ketua jabatan dan pegawai maklumat bawahan haruslah dilindungi daripada tindakan undang-undang dalam menjalankan tugas dengan niat yang baik. Langkah-langkah tertentu harus diambil dalam memastikan pelaksanaan Akta FOI akan memupuk budaya keterbukaan dan kerjasama di antara perkhidmatan awam, berbanding kebudayaan kerahsiaan atau kekhuatiran terhadap rasa malu atau implikasi perundangan.

Hukuman untuk ketidakwajaran atau ketidakpatuhan

Pegawai kerajaan yang secara sengaja menyekat, menyembunyikan, atau secara tidak wajar memusnahkan maklumat yang diminta haruslah dihukum. Hal ini adalah untuk memastikan pelanggaran yang berat terhadap akauntabiliti menyebabkan pegawai kerajaan tiada dorongan untuk berbuat demikian.

f) Kemudahan dan Keterangan Akses

Terdapat beberapa sebab praktikal yang mempengaruhi penggunaan mekanisme FOI. Beberapa isu yang kecil akan mewujudkan halangan terhadap akses maklumat.

Masa untuk menjawab

Sebuah garis waktu yang wajar, seperti yang dicadangkan di bawah haruslah dimasukkan ke dalam undang-undang bagi maksud menjawab permohonan dan rayuan agar akses terhadap maklumat menjadi lebih lancar. Permohonan yang melibatkan ancaman segera berkaitan hidup atau mati serta kebebasan haruslah dikendalikan dalam tempoh 48 jam.

Bayaran dan Struktur Kos

FOI haruslah mudah diakses oleh orang awam, dan kos haruslah tidak menjadi halangan terhadap akses. Tiada bayaran harus dikenakan untuk permohonan atau rayuan. Selain itu, kos penerbitan semua boleh dikenakan dengan kadar yang wajar di samping pelepasan untuk pemohon yang memiliki pendapatan yang rendah.

Meningkatkan Keterangan

Undang-undang ini haruslah membenarkan permohonan dalam format pendedahan yang pelbagai dan sebanyak mana bahasa yang terdapat di Malaysia, termasuk menerima permohonan secara pengucapan daripada orang awam yang buta huruf. Malah, penekanan terhadap individu kurang upaya memerlukan perhatian dan bantuan yang khusus.

Promosi

Kerajaan Malaysia haruslah memberitahu dan mendidik orang awam mengenai hak mereka untuk memohon maklumat di bawah Akta FOI.

Perlindungan prosedur utama

- Tidak perlu untuk menjelaskan sebab permohonan
- Pendedahan separa (dipadamkan) bagi bahagian maklumat yang dikecualikan

Carta alir permohonan maklumat:

LANGKAH SATU

Memohon Maklumat

Pemohon menghantar secara dalam talian, e-mel atau fizikal

1

LANGKAH DUA

Pemberitahuan Penerimaan

Badan awam haruslah memaklumkan penerimaan permohonan dalam tempoh 3 hari bekerja

2

LANGKAH TIGA

Keputusan Awal

Keputusan dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja

3

LANGKAH EMPAT

Semakan Dalaman

Jika ditolak, pemohon boleh meminta semakan dalam tempoh 30 hari

4

LANGKAH LIMA

Rayuan terhadap Suruhanjaya Maklumat

Semakan bebas dan mengikat secara undang-undang

5

LANGKAH ENAM

Semakan Kehakiman

Kawal selia mahkamah

6

Keperluan untuk Mereformasi Halangan Perundangan

Menyelaraskan undang-undang adalah penting dalam memastikan aturan FOI tidak diganggu oleh undang-undang kerahsiaan, jenayah atau perlindungan data. Hal ini termasuklah dengan mengecilkan skop pengecualian, kawal selia yang bebas, perlindungan menyeluruh untuk perlindungan data, privasi, dan pemberi maklumat skberasaskan amalan terbaik antarabangsa.

a) Memansuhkan atau Meminda Akta Rahsia Rasmi (1972)

Masalah

- Memberikan kuasa eksekutif yang luas untuk mengklasifikasikan maklumat sebagai rahsia, dengan perlindungan terhad dan imuniti daripada semakan kehakiman.
- Klasifikasi mengikut kategori (contoh, dokumen cabinet) telah menghapuskan akauntabiliti dan tidak tertakluk pada ujian mudarat dan kepentingan awam.
- Menjenayahkan pendedahan di peringkat pertama dan kedua, dengan penalti berat dan pembalikan beban bukti.
- Klausula penyingkiran (ouster clause) telah melucutkan kuasa perlembagaan kehakiman daripada memantau tindakan eksekutif.

Reformasi yang dicadangkan

Pilihan 1: Memansuhkan Akta Rahsia Rasmi dan memasukkan perlindungan sah ke dalam Akta FOI.

Pilihan 2: Jika OSA dikekalkan, akta ini harus dipinda secara menyeluruh untuk menjamin keselarasan dan melengkapi Akta FOI termasuk:

- Menghapuskan anggapan kerahsiaan mengikut kategori;
- Mengehadkan dan mengawal kuasa klasifikasi eksekutif, dan mengutamakan ujian kemudarat dan kepentingan awam;
- Menghapuskan imuniti daripada semakan kehakiman untuk keputusan klasifikasi dan membenarkan hak untuk merayu di bawah rangka kerja FOI;
- Meletakkan garis panduan yang jelas untuk proses nyahklasifikasi (*declassification*) dan memerlukan semakan berkala untuk maklumat rahsia.

Reformasi ini bertujuan mengimbangi keselamatan negara dengan ketelusan, akauntabiliti, dan kepercayaan awam.

b) Memansuhkan Seksyen 203A Kanun Keseksaan

Seksyen 203A menjenayahkan pendedahan atau pemilikan maklumat atau perkara yang diperoleh sewaktu menjalankan tugas boleh didenda sebanyak RM 1 juta, dipenjarakan selama 1 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Masalah

- Menjenayahkan pendedahan maklumat sewaktu menjalankan tugas rasmi telah memupuk budaya kerahsiaan dan menyukarkan perlindungan pemberi maklumat.
- Jarang digunakan dan mewujudkan ketidakpastian perundangan.

Reformasi yang dicadangkan

Memansuhkan Seksyen 203A untuk menghapuskan halangan terhadap pemberi maklumat dan mengukuhkan perlindungan terhadap Akta Pemberi Maklumat (WPA), termasuk perlindungan statutori untuk pendedahan kepentingan awam.

c) Meminda Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA, 2010)

Seksyen 3 PDPA tidak merangkumi kerajaan persekutuan dan negeri.

Masalah

- Tidak terpakai untuk kerajaan persekutuan dan negeri telah menyebabkan koleksi, penyimpanan dan penggunaan data peribadi oleh sektor awam menjadi tidak terkawal.
- Tiada pemberitahuan mandatori mengenai pelanggaran data.

Reformasi yang dicadangkan

- Menghapuskan pengecualian kerajaan [Seksyen 3(1)] dalam Akta ini.
- Mewajibkan pemberitahuan pelanggaran data dalam tempoh 72 jam.

d) Meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (WPA, 2010)

Masalah

- Tiada perlindungan jika pendedahan dilarang oleh undang-undang lain (contohnya, OSA).
- Perlindungan terhad kepada pendedahan yang dibuat terhadap agensi kerajaan sahaja.
- Penarikan perlindungan mandatori dalam kes tertentu, tanpa kawal selia di peringkat pusat.

Reformasi yang dicadangkan

- Menghapuskan peruntukan yang bercanggah dan memasukkan klausa yang memastikan WPA mengatasi mana-mana undang-undang kerahsiaan.
- Memperkenalkan perlindungan statutori dan contoh nyata untuk pendedahan awam.

Soalan Lazim (FAQ)

1) Parlimen tidak mempunyai 'autoriti perundangan' untuk menggubal undang-undang kebebasan maklumat

Realiti: Parliamen di Malaysia mempunyai autoriti perundangan yang jelas untuk menggubal undang-undang FOI di peringkat persekutuan, yang disokong Perlembagaan Persekutuan dan amalan perundangan sedia ada. Artikel 74 dalam Jadual Kesembilan telah memberi kuasa terhadap Parlimen untuk menguruskan hal ehwal Persekutuan, termasuk perkhidmatan awam, pentadbiran, dan pengurusan maklumat. Undang-undang sedia ada seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah menunjukkan keupayaan parlimen untuk menguruskan akses terhadap maklumat. Malah, Akta FOI di peringkat Persekutuan akan mengukuhkan hak berperlembagaan di bawah Artikel 10(1)(a) yang mana melalui tafsiran kehakiman, merangkumi hak untuk menerima maklumat sebagai sebahagian daripada kebebasan bersuara. Oleh itu, menggubal Akta FOI adalah sah dari sudut perlembagaan dan konsisten dengan rangka perundangan di Malaysia.

**** Artikel 10(1)(a) menjamin kebebasan bercakap dan bersuara. Tafsiran perundangan yang progresif dan bermatlamat akan menegaskan bahawa hak bersuara memerlukan akses terhadap maklumat yang dipegang badan kerajaan atau pihak autoriti. Rasional di sebalik kenyataan ini adalah orang awam tidak mampu untuk bercakap atau bersuara tanpa hak untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat yang wajar untuk wacana awam dan terlibat dalam tadbir urus demokratik.**

2) "FOI akan mengancam keselamatan awam dan aturan awam"

Realiti: FOI tidak bermaksud semua maklumat menjadi awam. Maklumat yang benar-benar memberi kesan terhadap keselamatan awam, penguatkuasaan undang-undang, pertahanan, atau aturan awam boleh dilindungi melalui pengecualian yang wajar. FOI akan memastikan bahawa maklumat boleh disekat jika terdapat alasan yang jelas dan sah, berbanding secara automatik.

3) "FOI akan menelan kos yang tinggi, menyusahkan, dan melambatkan operasi kerajaan"

Realiti: Penyimpanan rekod yang sistematik adalah sebahagian daripada tadbir urus yang baik. FOI akan membantu kementerian dan agensi untuk menguruskan maklumat secara lebih sistematik, sekali gus mengurangkan kekeliruan, pertindihan, atau penundaan. Seiring waktu, amalan ini akan meningkatkan keberkesanan kerajaan dan penyampaian perkhidmatan awam.

Walaupun terdapat kos pelaksanaan dari segi pengurusan dan latihan rekod, pengalaman antarabangsa menunjukkan bahawa penerbitan proaktif mengenai maklumat yang kerap ditanya mengurangkan beban pentadbiran. Di Malaysia, tahap ketelusan yang tinggi akan mengurangkan soalan di parlimen, pertanyaan media, dan aduan awam yang berpunca daripada kekurangan akses terhadap maklumat.

4) “Orang awam akan menyalah guna FOI untuk menyerang kerajaan”

Realiti: FOI bertujuan membantu orang awam untuk memahami keputusan kerajaan dan bagaimana dana awam digunakan. Permohonan yang berulang, menyusahkan, atau tidak munasabah boleh diuruskan melalui perlindungan prosedur yang jelas. Pada umumnya, tahap ketelusan yang tinggi akan memperkukuh kepercayaan orang awam terhadap institusi kerajaan serta memelihara akauntabiliti, terutamanya apabila maklumat salah dan spekulasi menjadi tular.

5) “Dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama, FOI akan mencetuskan isu sensitif termasuk bangsa, agama, dan raja”

Realiti: Keberagaman Malaysia memerlukan pengendalian isu sensitif secara berhati-hati. Akta FOI akan mengambil kira perlindungan maklumat yang jika didedahkan, akan mengancam aturan awam dan keharmonian sosial. Pada masa yang sama, akses terhadap maklumat tepat akan mengurangkan kabar angin, salah faham, dan ketegangan yang tidak penting. Sebuah mekanisme rayuan yang bebas akan memastikan sekatan maklumat boleh disemak secara adil dan konsisten.

6) “FOI akan mendedahkan maklumat komersial yang sensitif”

Realiti: FOI tidak memerlukan ahli perniagaan untuk mendedahkan rahsia perdagangan atau maklumat sensitif secara komersial. Perlindungan ini adalah tertakluk pada asas pengecualian yang ditentukan. Namun, sebarang dana awam, kontrak kerajaan, atau tuduhan salah laku yang terlibat adalah petanda bahawa isu ini adalah kepentingan yang harus didedahkan.

7) “FOI adalah tidak perlu kerana Malaysia telah mempunyai badan kawal selia”

Realiti: Badan seperti SPRM, Ketua Audit Negara, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, dan jawatankuasa parlimen memainkan peranan kawal selia yang penting. FOI melengkapi kerja mereka dengan membenarkan orang awam untuk mengakses maklumat secara langsung, tanpa menunggu penyiasatan, audit, atau inkuiri parlimen.

8) “FOI akan mengurangkan galakan untuk penjawat awam terlibat dalam perbincangan dalaman secara terbuka dan menyeluruh”

Realiti: FOI tidak bermaksud untuk mendedahkan setiap perbincangan dalam kerajaan. Perlindungan sewajarnya boleh diberikan untuk pertimbangan dasar yang sensitif. Tujuan akta ini adalah untuk mengukuhkan ketelusan dan keyakinan awam di samping membenarkan penjawat awam untuk meneruskan nasihat yang jujur dan profesional.

9) “Badan awam harus mempunyai hak untuk melindungi diri daripada dipertanggungjawabkan untuk pendedahan maklumat”

Realiti: Perundangan menyeluruh harus memasukkan perlindungan terhadap tindakan balas dan menyediakan perlindungan yang sewajarnya terhadap pegawai yang mendedahkan maklumat dengan niat baik. Perlindungan ini harus turut melindungi pemohon dan pemberi maklumat, di samping kesalahan berkaitan halangan dan penalti kerana memusnahkan atau memalsukan rekod. Penyembunyian secara sengaja atau pemusnahan rekod harus menjadi suatu kesalahan.

Mekanisme sewajarnya yang membenarkan pemohon untuk mengakses semakan dalaman, rayuan bebas, serta semakan kehakiman akan menyediakan sebuah lagi bentuk perlindungan yang penting.



Website cijmalaysia.net

Instagram [instagram.com/cij_malaysia](https://www.instagram.com/cij_malaysia)

Facebook [facebook.com/CIJ.MY](https://www.facebook.com/CIJ.MY)

X (Twitter) twitter.com/CIJ_Malaysia